

TEKS UCAPAN BALAS

YANG BERHORMAT SITI ROZAIMERIYANTY DSLJ HJ ABD RAHMAN AHLI

MAJLIS MESYUARAT NEGARA

SELAKU KETUA ROMBONGAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

BAGI

SESI MUZAKARAH BERSAMA KEMENTERIAN PENDIDIKAN

PADA

10 JANUARI 2018 23 RABIULAKHIR 1439

BERTEMPAT

BILIK MESYUARAT, TINGKAT 1 SEKOLAH MENENGAH PENGIRAN ANAK

PUTERI HAJAH MASNA JALAN SUNGAI AKAR

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi Bin Haji Osman, Menteri Pendidikan,

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Timbalan Menteri Pendidikan,

Yang Mulia Datin Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md Salleh, Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, timbalan-timbalan setiausaha tetap, pengarah-pengarah serta ketua-ketua jabatan dibawah Kementerian Pendidikan.

Sebelum saya memberi ucapan balas kepada YB Pehin, dipersilakan para pegawai yang hadir untuk memperkenalkan diri mereka supaya senang untuk diketahui pegawai yang boleh dihubungi tentang perkaraperkara tertentu.

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan izin-Nya juga kita dapat meneruskan sesi muzakarah kita pada hari ini.
2. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Kementerian Pendidikan dengan usaha-usaha dan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017 yang lalu untuk menaiktaraf sistem pendidikan negara. Ini termasuk aktiviti-aktiviti yang telah diadakan untuk menggalakkan penglibatan guru-guru dan penuntut-penuntut dengan mengoptimumkan sumber-sumber yang ada.
3. Salah satu program yang giat dilaksanakan ialah 'Literacy & Numeracy Coaching Program' dimana ia bertujuan untuk melahirkan 'Loca/ Coaches' yang terdiri dari guru-guru Tempatan. Adalah diketahui seramai 29 orang guru telah pun diiktiraf sebagai 'Loca/ Coaches'. Pihak Majlis sangat berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang perkembangan program tersebut.
4. Adalah diharapkan usaha dan inisiatif seperti ini akan terus dijalankan dan diperbaiki dari masa ke semasa selaras dengan harapan YB Menteri Pendidikan untuk memastikan pihak kementerian melaksanakan perancangan-perancangan yang 'actionable', 'realistic' and 'cost-effective' dalam mengambil pendekatan 'delivery approach' untuk mencapai hasil yang dihasratkan.
5. Dalam perkembangan-perkembangan yang terlihat, adalah diakui masih terdapat isu-isu yang tidak dapat dielakkan termasuk pencapaian KPI-KPI yang tertentu, pencapaian akademik setiap sekolah dan menyeluruh, serta langkah-langkah pembaikan dari pihak kementerian mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan pada sesi permuzakarahan yang telah diadakan pada 2017 yang lalu.
6. Pihak majlis juga ingin mengetahui tahap perkembangan dan pencapaian pihak kementerian dalam menghasilkan tenaga kerja yang mampu menyampaikan kualiti holistik bagi menghasilkan pelajar-pelajar yang berjaya, dinamik dan

mapan melalui perancangan penambahbaikan pihak kementerian dalam bidang-bidang berikut:

- ✓ Perkembangan profesional di setiap peringkat
- ✓ Kualiti kepimpinan di setiap peringkat
- ✓ Kualiti pengajaran dan pembelajaran
- ✓ Penekanan terhadap kesihatan, kawalan keselamatan dan alam sekitar di setiap peringkat.

7. Isu-isu yang sering dibangkitkan juga termasuklah prasaranaprasarana dan hal-ehwal sekolah-sekolah kerajaan secara menyeluruh, tahap pencapaian sekolah-sekolah, kerjasama dengan institusi-institusi pendidikan swasta, program-program pendidikan khas dan inklusif serta isu-isu kewangan. Pihak Majlis berharap bahawa perkara-perkara ini akan dapat dibincangkan dalam sesi muzakarah pada hari ini.
8. Akhirnya, semoga permuzakarahan ini akan melahirkan satu sesi perbincangan yang komprehensif dan produktif bagi semua pihak. Dengan ini, saya serahkan kembali kepada YB Pehin Menteri Pendidikan untuk memulakan taklimat dan sesi kita pada pagi ini.
9. Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.

Terima Kasih.